



• Nasional • Dunia • Ekonomi • Sukan • Citra • Hip • Agama • Komputer • Dimensi • Rencana • Surat • Diagnosis • Skuad • Pendidikan • Sastera • Destinasi • Auto • Lanskap • Dekor • Edisi Utara • Edisi Timur • Edisi Sentral • Edisi Johor • Edisi Sabah&Sarawak • Bintang Popular • Ikon • EpG • Gawang • Joran • Web Sekolah • RSS Feed •

WAKTU SOLAT

Waktu solat bagi kawasan Kuala Lumpur...

SUBUH	6:08
ZUHUR	13:28
ASAR	16:44
MAGHRIB	19:28
ISYAK	20:38

Waktu solat kawasan lain...


PROMOSI

- ▶ Berita Harian dan Harian Metro - Versi PDA
- ▶ Berita Harian - Versi Digital
- ▶ NSTP Classifieds - tempah iklan di akhbar
- ▶ Arkib Berita semenjak 1991

BURSA MALAYSIA

26 Feb 2007

KL Composite Index



Date: 26/02/07 Last Updated: 08:45

CI	: 1276.12	↓ 7.35
2B	: 107.61	↑ 0.36
FBM100	: 8357.54	↓ 59.73
FBM30	: 8086.26	↓ 70.17
FBM70	: 9233.70	↓ 26.01
FBM-SCAP	: 9826.52	↑ 77.90
FBM-EMAS	: 8527.28	↓ 44.59
FBM-FLEDGLING	: 9077.59	↑ 143.23

Maklumat Penuh...

KLIK KHAS

- ▶ Bajet2006
- ▶ Sumber Terbuka
- ▶ Galeri Video
- ▶ Galeri Seminggu
- ▶ Perhimpunan Agung UMNO
- ▶ Senarai Kabinet 2006
- ▶ Terima Kasih Dr Mahathir

TANYA DOKTOR

- ? Anda tanya doktor jawab:
- ? Kaedah epidural beri kesan minimum
- ? Anda Tanya Doktor Jawab:
- ? Penahidap bicornuate uterus

Ekonomi

Fasfik mahu buka 200 pusat servis automotif

Oleh Nor Liza Ahmad

Syarikat rancang perluas perniagaan ke luar negara

FASFIK (M) Sdn Bhd, penyedia perkhidmatan servis automotif, merancang membuka 200 pusat servis di seluruh negara menjelang akhir tahun depan dengan 100 daripadanya akan dibuka tahun ini.

Syarikat itu yang majoriti kepentingannya dimiliki Pengerusi AirAsia Bhd, Datuk Pahamin Rajab, mensasarkan untuk muncul sebagai penyedia rangkaian perkhidmatan servis automotif terbesar di Malaysia dan meluaskan perniagaannya ke luar negara.

Ketua Eksekutifnya, Armin Baniaz Pahamin, berkata syarikat sudah mengenal pasti 100 kawasan kediaman yang strategik untuk menempatkan cawangannya bagi memberi keselesaan dan kemudahan pelanggan.

Katanya, syarikat merancang membuka cawangan di setiap kawasan kediaman yang mempunyai jumlah kereta melebihi 1,000 unit pada jarak setiap 10 kilometer.

"Penukaran tayar dan minyak pelincir adalah satu kemestian yang mana setiap kereta perlu diservis setiap tiga bulan bergantung kepada pengguna.

"Bagi memberi keselesaan dan faedah kepada pemilik kereta, kami akan membuka cawangan yang terletak berhampiran kediaman mereka," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, dengan menggunakan teknologi terkini, Fasfik menawarkan perkhidmatan tayar termasuk imbangan dan jajaran tayar serta perkhidmatan lain seperti penukaran minyak hitam, pelapik brek, bateri dan aksesori lain.

"Pelanggan boleh mengetahui berapa lama masa yang diambil bagi servis kereta mereka, masa menunggu dan jangkaan masa untuk siap menerusi televisyen plasma yang disediakan di setiap cawangan.

"Mereka juga akan diberikan sebut harga sebelum servis dimulakan," katanya sambil menambah perkhidmatan servis berkenaan dikendalikan juruteknik mahir bagi meminimumkan tempoh menunggu.

Versi Digital



Hantar pada kawan!

Format Pencetak

Artikel di Ekonomi :

- Klibor terus meningkat
- Ringgit kukuh berbanding dolar AS
- Ulasan Pasaran: Saham murah perkukuh jumlah dagangan harian
- Melati Ehsan rancang operasi di luar negara
- Pembeli Glomac Boulevard untung
- Antara Gapi pusat pertumbuhan baru Selangor
- Alami buka cawangan rantau Asia Barat, Afrika
- Sumber pendapatan baru BSL pasar paip ke China
- Usaha sama Sutera Unggu, GPW jual kopi
- 2 blok pejabat siap awal tahun depan
- Pelabur asing lebih yakin
- LTABL hab AirAsia di utara
- Tinjauan Pasaran: IK diramal capai 1,300 minggu ini
- Syarikat Malaysia raih tempahan AS\$10.32j dari Asia Barat
- SME Bank giat bantu usahawan IK5

SMS Sahaja!
Mudah!
Cepat!
Untung!



boleh mengandungi

- ? Anda tanya doktor jawab:
- ? Obesiti punca tidur terganggu, cepat letih

Emel Doktor:

tanyadoktor@bharian.com.my

PAUTAN LAIN	
NSTP	
e-media	
Harian Metro	
New Straits Times	
Malay Mail	
Klik DBP	
Berita Sawit	



Armin berkata, syarikat memeterai kontrak lima tahun dengan BitBox Network Sdn Bhd bagi membangunkan perisian masa sebenar untuk keseluruhan rangkaian Fasfik menerusi aplikasi berasaskan web, membabitkan pelaburan RM5 juta.

Katanya, aplikasi yang digunakan adalah unik kerana ia akan merekodkan masa yang diambil bagi semua kerja yang dikendalikan juruteknik.

“Mana-mana juruteknik yang membuat kerja di bawah standard masa yang ditetapkan akan dihantar untuk latihan semula.

“Sebelum dilantik, mereka perlu menghadiri latihan enam bulan dan akan dinilai sebelum disahkan jawatan,” katanya.

Armin berkata, dengan sistem masa sebenar itu, pelanggan boleh membuat tempahan bagi temu janji servis menerusi perkhidmatan dalam talian.

Katanya, perkhidmatan seumpama itu sejajar dengan matlamat Fasfik untuk menggalakkan pemilik kereta merancang servis kereta mereka lebih awal bagi keselamatan di jalan raya dan mendapatkan harga lebih baik.

Beliau berkata, menerusi sistem yang disediakan, pelanggan boleh membuat pembayaran dan memilik cawangan yang mereka ingin tanpa perlu menunggu.

“Pelanggan juga boleh memeriksa rekod servis kereta mereka bagi memastikan ia dilakukan selalu dan lebih penting mereka tidak berbelanja melebihi keperluan,” katanya.



Iklan Teks

- **Modal Kecil: Untung RMXXX Sehari** *Baru!*
- **Klik Sini Untuk Pengumuman Penting!** *Baru!*
- **AWAS! MASALAH TENAGA BATIN** *Baru!*
- **PELUANG MENJADI JUTAWAN!!!** *Baru!*
- **12 Kad Prabayar RM30 PERCUMA** *Baru!*
- **Worldwide Online Real Estate** *Baru!*
- **Beli / Jual PRABAYAR Melalui SMS@Online** *Baru!*
- **RAHSIA 100 HARI DAPAT 255%...**
- **MLM TERBARU!! KLIK DI SINI!!**
- **RAHSIA BIL ELEKTRIK BOCOR!**
- **Langsingkan Badan Selamat Semulajadi**
- **Hartanah Untuk Dijual/Sewa**
- **Bina Kerjaya Anda Dengan Shell**

Tempah Iklan Teks disini

• Nasional • Dunia • Ekonomi • Sukan • Citra • Hip • Agama • Komputer • Dimensi • Rencana • Surat • Diagnosis • Skuad • Pendidikan • Sastera • Destinasi • Auto • Lanskap • Dekor • Edisi Utara • Edisi Timur • Edisi Sentral • Edisi Johor • Edisi Sabah&Sarawak • Bintang Popular • Ikon • EpG • Gawang • Joran • Web Sekolah • RSS Feed •

Copyright 2006 Berita Harian Sdn. Bhd. All rights reserved. Emel kami sebarang [maklum balas](mailto:maklum@bharian.com.my).



IKLANMAYA

